

Inovasi dua murid

[Suliati Asri](#)

suliati@hmetro.com.my



JETTY (kiri) dan Areha menunjukkan hasil ciptaan mereka.

PANDEMIK Covid-19 mengubah cara hidup manusia di seluruh dunia dengan mengamalkan pembudayaan norma baharu.

Kini penggunaan pelitup muka menjadi satu keperluan, tetapi tidak dinafikan ia juga memberi kesan buruk apabila ia dibuang sesuka hati oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Menyedari hakikat itu, dua murid Sekolah Kebangsaan (SK) Kirokot, Ranau, Sabah, Areha Heavenea Azri, 11, dan Jetty Lorrend, 12, bersama guru pembimbing, Hallsen Justin, 33, mengambil inisiatif menghasilkan produk inovasi Facemask 2.0 yang berkonsepkan kitar semula menggunakan botol plastik bagi menggantikan pelitup muka sedia ada.

Hallsen berkata, penggunaan bahan kitar semula untuk menghasilkan Facemask 2.0 itu bukan sahaja murah, tetapi lebih menjimatkan kerana ia boleh digunakan secara berulang.

"Kos penghasilan Facemask 2.0 ini sangat rendah kerana bahan utamanya botol air plastik, kain perca dan span.

"Justeru, kalau orang ramai sama-sama menghasilkan dan menggunakan Facemask 2.0 ini, jumlah penggunaan pelitup muka terutama pakai buang dapat dikurangkan," katanya.

Menurutnya, aktiviti kitar semula bukan sekadar teori, tetapi ia sebenarnya dapat diamalkan setiap hari.

"Secara tidak langsung, ia juga memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap pemuliharaan alam sekitar, sekali gus meningkatkan perasaan cintakan alam sekitar.

"Oleh itu, saya berharap projek ini dapat dijadikan perintis kepada amalan terbaik dalam penjagaan alam sekitar di sekolah rendah," katanya.

Produk inovasi ciptaan ini juga melepasi beberapa ujian dan diiktiraf oleh Sirim Berhad serta mencapai standard antarabangsa.



PROTOTYPE Facemask 2.0 yang dihasilkan Areha dan Jetty.

Bukan itu saja, Facemask 2.0 turut memenangi pelbagai anugerah antaranya pingat perak di World Science, Environment and Engineering Competition (WSEEC) dan World Invention Competition And Exhibition (WICE) di Indonesia serta pingat gangsa di International Science Project Competition, Turkey; South Africa Global Innovation Competition, Afrika Selatan dan Innovation Development Educational Activity anjuran Kementerian Belia dan Sukan dan Karnival Sains Sabah (STEM), Sabah.

Selain mempertaruhkan Facemask 2.0, pelajar kreatif ini turut memenangi pertandingan Eye-level Maths di United Kingdom (Gangsa) dan Maths Olympiad di Korea Selatan.

Areha dan Jetty turut dicalonkan dalam pemilihan Anugerah Inovasi Sekolah rendah IKON Murid Digital Robotik / Rekabentuk Kejuruteraan/Pembangunan Perisian pada September tahun lalu.

Sementara itu, bagi Jetty, peluang menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa buat kali pertama adalah sesuatu yang cukup menggembiranya.

"Dengan kemenangan ini, secara tidak langsung ia dapat memperkenalkan Sabah kepada negara luar, selain dapat memberi motivasi kepada rakan lain untuk tidak berasa rendah diri bersaing dengan pelajar luar negara.

"Syukur kerana saya dan Areha berjaya mengharumkan nama sekolah di dalam dan luar negara," katanya yang bercita-cita menjadi guru.

Bagi Areha pula, dia tidak menyangka hasil ciptaan mereka dengan kos serendah RM3 berjaya memenangi beberapa

anugerah di peringkat dalam dan luar negara.

Disiarkan pada: Januari 24, 2022 @ 6:30am